

Kegagalan Parti Komunis Malaya (PKM) merampas Tanah Melayu dengan gerakan bersenjata yang seterusnya membawa kepada pembubaran pasukan Bintang Tiga itu pada 1989 membuktikan kehebatan pasukan keselamatan negara dalam menentang ideologi perjuangan komunis di negara ini.

Pendekatan taktikal dan psikologi antara kaedah yang digunakan pasukan keselamatan terutama dalam menghapuskan saki-baki komunis di tanah air sekitar 1970-an dan 1980-an seperti dikongsi oleh dua wira negara, Datuk Paul Kiong dan Kapten (B) Dr Wong Ah Peng.

Meskipun kedua-dua mereka bertugas dalam pasukan keselamatan yang berbeza, Kiong dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala Wong dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), misi dan matlamat kedua-dua anggota keselamatan ini adalah sama untuk menumpaskan pengganas komunis demi keamanan negara.

Kiong, 77, berkata pengalamannya dalam tugas risikan dalam Cawangan Khas (SB) PDRM mendapat kepercayaan pihak atasan untuk menjalankan misi penyamaran bagi mendapatkan maklumat kegiatan komunis di negara ini.

Pendekatan serangan psikologi yang digunakan



PASUKAN keselamatan memasuki hutan untuk memburu pengganas komunis ketika pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang bermula pada 1948 sehingga 1960.

HARAPAN METRO (03/09/2021) M/S 20

6 tahun menyamar jadi ahli komunis

Dua wira negara dedah strategi diguna pakai pasukan keselamatan negara sehingga dapat tumpaskan pengganas



Saya terpaksa menyamar sebagai pembekal makanan bagi mendapatkan kepercayaan anggota komunis selepas diarahkan pihak atasan”

Kiong

bulan bagi mengelakkan kehadiran mereka disedari musuh.

“Sewaktu menyusup pada waktu malam, saya terlihat kesan yang ditinggalkan termasuk simbol amaran yang dibuat di atas batu besar yang menandakan kawasan tersebut adalah kawasan pengganas komunis.

“Melihat kepada simbol itu, saya tahu risiko yang menanti dan paling dirisaukan adalah jerangkap samar yang digunakan sebagai mekanisme pertahanan mereka,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Apabila berjaya mengepung kem itu, kehadiran mereka disedari pengganas Bintang Tiga menyebabkan pasukannya terpaksa menyerang kem yang terletak pada ketinggian 5,000 kaki terbabit.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang itu, pihaknya berbalas tembakan selama 45 minit dan akhirnya kemenangan berpihak kepada

pendekatan berangan psikologi yang digunakan membolehkan beliau mendekati dan menyamar sebagai anggota komunis untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin sekali gus memudahkan usaha menumpaskan mereka. "Jika guna pendekatan bunuh musuh (komunis), tidak akan memberikan sebarang maklumat kepada pasukan. Jadi saya terpaksa menyamar sebagai pembekal makanan bagi mendapatkan kepercayaan anggota komunis selepas diarah-

kan pihak atasan, melihat kepada pengalaman dan ilmu yang saya ada mengenai pergerakan kumpulan itu.

"Bermula dari situ, saya tidak berpatah balik dan meneruskan penyamaran dengan menyertai kumpulan elit dan bergaul dengan mereka (komunis) selama enam tahun," katanya.

Kiong anak kelahiran Ipoh, Perak berkata, taktik yang digunakan itu ternyata berkesan apabila 43 anggota komunis termasuk lapan wanita berjaya ditahan

di sebuah kem di Cameron Highlands, Pahang dalam Operasi *Catfish: Stoke Coffin Camp* sekitar Jun 1981.

"Kesemua anggota komunis berkenaan ditahan tanpa sebarang pertumpahan darah dan langsung tiada peluru digunakan.

"Itu merupakan satu kejayaan terbesar sepanjang tempoh berkhidmat selama 34 tahun dalam pasukan PDRM," katanya menambah sepanjang tempoh operasi itu beliau jarang berjumpa dengan keluarga sehingga

anaknyanya yang berusia empat tahun ketika itu tidak mengenali dirinya apabila pulang ke rumah.

Beliau yang bersara pada 1 Februari 1988 dalam perkhidmatan menerima banyak anugerah atas jasa dan keberaniannya menentang penganas komunis antaranya Bintang Kehormat Seri Pahlawan Gagah Perkasa 1983 dan Pingat Keberanian Handal Perak 1988.

Berkongsi cerita berbeza, Wong, 65, yang bertugas da-

lam pasukan Briged Kesembilan Infantri Malaysia ketika itu, menggunakan kaedah taktikal dalam menggesan dan menggempur kem penganas komunis semasa mengetuai satu operasi khas di Gunung Korbu, Hulu Kinta Perak pada 1 Jun 1979.

Beliau bersama 10 anggota berpengalaman terdiri daripada anggota pribumi Sabah, Sarawak serta Orang Asli memulakan pendakian pada tengah malam dengan hanya berpandukan cahaya

mereka dan tiga anggota skuad elit penganas itu berjaya ditembak mati.

Susulan kejadian itu, Wong turut mengalami kecederaan pada kaki kiri akibat terkena serpihan bom buatan sendiri penganas komunis.

"Itulah saat-saat getir yang pasukan kami hadapi apabila dihujani peluru musuh dengan tembakan bertalu-talu namun, akhirnya situasi berpihak kepada kami apabila berjaya menguasai situasi," katanya.



PENGANAS komunis membakar rumah penduduk kampung di Bayan Lepas.



PASUKAN keselamatan mencari kedudukan untuk menyerang penganas komunis.



PESAWAT Nuri membawa bekalan makanan untuk diagihkan kepada penduduk selepas diserang penganas komunis.